

Islamisasi Pendidikan Di Sekolah: Prospek Dan Masalah

Oleh: Zalmiab Jabidin

ABSTRACT

WHEN one talks about islamization process in school at this juncture, one is often inclined to answer the following: what are the prospects and problems of islamization. These are the issues that the present writer tries to discuss. It must be noted that islamization process does not take place in a vacuum. Rather, it warrants conducive school atmosphere such as an availability of good relationship between the authorities with the teachers, and the teachers with the students and vice versa. The role of teachers is of pivotal importance in enhancing and maintaining the above atmosphere. The curriculum that has been tailored towards enhancing islamization process can only be realized if teachers are skilful and creative enough to act accordingly. While these can be considered as leverages to islamization, but they are not without problems. The dearth of teaching modules, credible text books and references, teacher-pupil factor, and other support agencies including mass media and society at large in the context of their readiness, is still questionable.

PENDAHULUAN

Pendidikan, dalam bentuk matlamat dan objektifnya mencerminkan idealisma sesuatu masyarakat. Ianya merupakan alat untuk mendidik generasi masyarakat tersebut, mengikut prinsip yang telah ditetapkan. Sebaik sahaja ia menyimpang dari landasannya atau diancam oleh anasir-anasir yang asing, usaha-usaha akan dibuat untuk memperbetulkannya. Inilah yang berlaku kepada sistem pendidikan di negara di mana majoriti rakyatnya beragama Islam.

Sejarah telah membuktikan bahawa dengan berlakunya penjajahan ke atas sesebuah negara, ia telah memberi kesan kepada sistem pendidikan negara tersebut. Ekoran dari itu, pendidikan negara dengan secara tidak langsung telah dicorakkan kepada sesuatu yang bersifat sekular dan seterusnya melahirkan amalan dualisme dalam berbagai sudut. Ini adalah kesan dari melaksanakan sistem pendidikan serta mengamalkan ilmu tanpa menyedari bahawa 'ruh dan hati' pencipta sistem tersebut telah terceduk sama. Justeru, lahirlah hasil pendidikan (pelajar) yang berperibadi lemah, jumud, tiada berkeelayakan dan identiti diri, tiada mempunyai idealime, yang mampu menghadapi konflik dan seterusnya melahirkan tindak tanduk yang akan merugikan ramai.

Di Malaysia, usaha-usaha islamisasi termasuk di sekolah, telah bermula sejak daripada timbulnya keghairahan masyarakat untuk kembali menghayati *Deen ul Islam* pada awal tahun 70an. Walau bagaimana pun, keberhasilannya tidak mampu menyayingi dinamika krisis dan perubahan yang wujud dalam dunia sejagat hari ini. Dikuatiri, ia akan mampu menghakis sekelumit benteng keimanan yang ada dan lambat laun satu demi satu akan tunduk tersungkur dan hanyut dalam mengharungi arus yang deras lagi ganas ini. Rata-rata ummah hari ini khususnya di Malaysia dapat merasakan keperluan untuk kembali menghayati *Deen ul-Islam* secara syumul. Mereka seolah-olah terpenggil untuk bertindak ke arah merealisasikan hakikat ini.

Gambaran dan statistik yang berkaitan dengan jenayah sivil dan juga syariah di kalangan remaja mahupun dewasa Islam amatlah membimbangkan. Statistik 1997 dapat dirumuskan kepada, lebih daripada 50 % jenayah seperti buang anak, penderaan kanak-kanak, merogol dan

sumbang mahram dilakukan oleh orang Melayu (The Star & NST, 27hb Feb. 1998). Masalah ini diberatkan lagi dengan adanya pencemaran budaya dalam seluruh aspek kehidupan, yang tidak menjurus kepada pembentukan akhlak, jiwa dan keimanan atau kurangnya sumber yang boleh mengembalikan umat Islam kepada akarnya, akan mengakibatkan ummah akan hilang identitinya. Jika ini berlaku, layakkah kita untuk bernaung di bawah sigah *Ar-Rahim Allah swt*?

Menurut Ismail Al Faruqi, sistem pendidikan yang dilaksanakan di negara-negara Muslim hari ini, telah melahirkan keadaan suasana tidak terurus atau kemelut yang dihadapi oleh ummah. Ekoran dari kesedaran ini, sistem pendidikan yang pada awalnya mempunyai saham dalam mencorakkan masyarakat hari ini, dianggap sebagai bertanggungjawab untuk memperbetulkan keadaan. Oleh itu setiap peluang dan ruang yang ada dalam sistem pendidikan hari ini, mestilah dikesploitasi semaksimanya ke arah pembentukan satu generasi baru, yang berbeza cara berfikirnya, akhlaknya, jiwanya dan pengangannya. Melalui islamisasi pendidikan di sekolah, guru berperanan untuk merealisasikan amanah ini.

PROSPEK SEKOLAH SEBAGAI MEDAN

Untuk menjayakan usaha islamisasi pendidikan, beberapa pra-syarat adalah diperlukan.

- i. Hubungan baik dengan semua pihak sekolah. Ini termasuklah pentadbir, guru-guru, kakitangan dan pelajar.
- ii. Bersangka baik terhadap semua pihak dengan berpendapat bahawa semua mahukan Islam atau kebaikan.
- iii. Guru perlu ada ketrampilan diri dari sudut ilmu, keyakinan serta hubungan kemanusiaan yang baik.
- iv. Guru juga perlu mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa tanggungjawab ini adalah yang terbaik bagi pelajar khususnya, demi masa depan mereka sama ada di dunia atau di akhirat.

Semua yang di atas tadi merupakan asas untuk mendapatkan thiqah

dari semua pihak yang mana akan memudahkan guru untuk mendapatkan kerjasama dalam menjalankan usaha Islamisasi pendidikan ini.

KURIKULUM

Guru merupakan orang tengah serta paling berpengaruh terhadap kesan implimentasi kurikulum. Persepsi serta pemikiran pelajar terhadap satu-satu subjek sebahagian besarnya, dicorakkan oleh guru. Sama ada sesuatu subjek itu menarik, membosankan, susah, senang, praktikal, releyen atau menjadi medium untuk membentuk sahsiah, akhlak atau pegangan adalah terletak di tangan guru. Berdasarkan kenyataan ini, guru boleh mengambil peluang untuk mengengahkan atau mempraktikkan langkah-langkah islamisasi pendidikan.

Berikut adalah di antara langkah-langkah yang sesuai dilaksanakan:

a. Memasukkan ruh keimanan

- i. Mengekalkan atau memperbetulkan konsep-konsep yang diajar dengan konsep yang sedia ada dalam Islam. Apa yang penting ialah guru mesti pandai mengolah dengan memasukkan ruh keimanan ke dalam setiap disiplin yang diajar. Sebagai contoh, teori evolusi adalah bertentangan dengan hakikat penciptaan manusia serta alam. (Rujuk Al-Qur'an 4:1, 22:5, 56:57-59 & 42:12, 21:16, 21:30).
- ii. Mengaitkan setiap satu fenomena alam atau kewujudan makhluk dengan penciptaan Allah swt atau kekuasaanya. Sebagai contoh, berlakunya malam dan siang, pasang surutnya air, gerhana bulan atau matahari, turunnya hujan, pembentukan alam fizikal serta undang-undang alam semulajadi itu sendiri. (Rujuk Al-Qur'an 3:190, 24:43, 39:21).
- iii. Membuktikan dengan fakta-fakta yang relevan bahawa manusia bertanggung jawab terhadap kerosakan alam sama ada dalam bentuk banjir, suhu yang meningkat, kekurangan air, jerubu & pencemaran alam juga kegawatan ekonomi. Ini berlaku ekoran dari kejahilan dan kerakusan manusia. Ia bermakna, nikmat

seperti aqal, pancaindera dan fakulti-fakulti lain harus digunakan sebaik-baiknya.

b. Meningkatkan harga diri dan keyakinan diri

Meningkatkan harga dan keyakinan diri ummat Islam dengan mengkaji sumbangan dari segi penciptaan atau penerokaan yang dibuat oleh ummat Islam terdahulu dalam berbagai cabang ilmu di antaranya astronomi, perubatan, matematik, fizik, kimia, pertanian, biologi, pendidikan, falsafah, psikologi, sosiologi dan banyak lagi. Di samping itu, didedahkan juga kepada mereka bahawa ketika ummat Islam terdahulu mencapai zaman kegemilangannya semasa pemerintahan Bani Abassiyah di Baghdad dan Bani Umayyah di Sepanyol, bidang seperti botani, pedagogi dan lain-lain adalah dipelopori oleh orang Islam terdahulu. Mereka juga mengenali nama-nama seperti Ibnu Sina, Ibnu Rusyh, Al-Ghazalli, Ibnu Khaldun, AlKhawarizmi, Ibnu Haiem dan banyak lagi. Sejarah yang dipelajari hari ini, telah banyak meninggalkan kesan negatif dalam diri pelajar di antaranya mempunyai perasan rendah diri, memandang rendah terhadap kejayaan dan peradaban masa lampau mereka.

c. Menyedarkan akan konsep dan perkaitannya serta kesedaran tentang misi

Guru juga perlu mencari peluang untuk mendidik pelajar mengenai adab-adab menuntut ilmu serta adab terhadap guru supaya insyaAllah ilmu yang dituntut akan mendapat keberkatan. Selain daripada itu, terangkan juga mengenai martabat ilmu, tuntutan mencari ilmu, kedudukan orang-orang yang berilmu dan cara bagaimana ilmu itu dimanfaatkan dengan betul. (rujuk Al-Qur'an 96:1, 58:11, 39:9). Di sini, guru juga berpeluang untuk menyedarkan pelajar bahawa mereka mempunyai misi yang besar untuk dilaksanakan.

d. Penonjolan diri sebagai model

Akhir sekali, guru perlu membuktikan dengan penonjolan diri yang

menepati ciri-ciri peribadi yang ingin dilahirkan serta berusaha melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu yang berkaitan. (Rujuk Al-Qur'an, 61:2-3).

Usaha untuk melaksanakan islamisasi disiplin terutama sains dilihat sebagai terdesak. Ini kerana penulis sains yang diterbitkan dalam dua abad yang lalu, kebanyakannya ditulis berdasarkan kepada fahaman materialisme. Ia berkait rapat dengan sejarah penentangan terhadap gereja. Sebagai pemegang amanah, tugas untuk memperbetulkan konsep-konsep yang bertentangan, terletak di bahu orang-orang Islam. Untuk itu, El Najjar telah menyenaraikan tujuh belas cara untuk mengajar sains mengikut perspektif Islam dalam kertas kerjanya, *'The limitations of science and the teachings of science from the Islamic perspective'*. Di antaranya:

1. Menekankan kepentingan nilai sains dan kaedah saintifik dalam Islam, terdapat lebih daripada 750 ayat mengenai sains.
2. Memberi penekanan bahawa alam ini tidak kekal. Ini terbukti dengan adanya perubahan-perubahan yang berlaku.
3. Mengaitkan setiap penciptaan kepada wujudnya Pencipta Yang Esa.
4. Tujukkan bahawa sains itu sebenarnya adalah usaha manusia untuk mengkaji ciptaan Allah serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya. Juga, satu usaha untuk mencari kebenaran iaitu untuk mengenal Allah swt sebagai Pencipta seluruh alam.
5. Mengkaitkan tanda-tanda kewujudan Allah dalam penciptaan.
6. Mengelakkan daripada penggunaan sebutan-sebutan yang tidak jelas atau tiada makna seperti undang-undang alam, semulajadi, kebarangkalian, rawak, dan juga evolusi kehidupan.
7. Memberi tahu pelajar bahawa, kaedah eksperimen sains mewakili hanya sebahagian ilmu. Ia tidak mampu menjawab persoalan yang lebih besar. Di sini perlunya ilmu wahyu.
8. Walaupun eksperimen sains boleh mengkaji sehingga sekecil zarah, tetapi kaedah yang sama tidak mampu mencipta sesuatu kehidupan.

KO-KURIKULUM

Guru-guru juga berpeluang untuk melaksanakan islamisasi pendidikan melalui bidang ko-kurikulum. Peluang ini lebih terbuka terutamanya bagi guru-guru yang berkelulusan khusus dalam pendidikan Islam. Walau bagaimana pun, guru-guru dengan pengkhususan lain boleh mencari peluang untuk berperanan. Dalam hal ini, peribadi guru yang terlibat memainkan peranan yang penting di samping keazaman yang kuat serta pegangan bahawa apa yang ingin dilaksanakan adalah yang terbaik bagi pelajar.

Sebagai penasihat kepada badan-badan seperti kelab dan persatuan, usaha-usaha ini, boleh dijalankan.

- i. Jika persatuan terlibat terdiri daripada persatuan matematik & sains, sejarah & geografi & sains sosial, bahasa, komputer & teknologi maklumat, di antara usaha-usaha yang boleh dijalankan ialah:
 - a. Mengaitkan setiap cabang ilmu itu dengan penemuan dan pencapaian oleh umat Islam terdahulu semasa zaman kegemilangan budaya dan tamaddun Islam. Ini bertujuan untuk memberi gambaran yang betul bahawa dengan ruh Islam, ilmu boleh berkembang.
 - b. Memberi galakan kepada pelajar untuk mencipta, meneroka dan membuat penemuan baru sempena ruh dan sikap cintakan ilmu di kalangan umat Islam terdahulu. Aktiviti yang dirancang, mestilah menjurus ke arah membentuk pemikiran yang kreatif dan kritis. Aktiviti berbentuk projek sains, matematik, kemahiran hidup sepatutnya diberi sokongan. (Rujuk Al-Qur'an 16:69, 57:25, 23:12-14).
 - c. Menganjurkan aktiviti dalam bentuk kajian, bengkel, kempen, forum, seminar atau penulisan buletin bertujuan untuk membentuk sikap pelajar dengan memberikan kesedaran bahawa kerakusan manusia dalam menangani permasalahan kehidupan jika bersandarkan kepada nafsu, sikap individualistik serta asas yang tidak kukuh akan membawa kepada kemusnahan sejagat.

- d. Kecanggihan zaman sains dan teknologi ini boleh dimanfaatkan dengan pelbagai cara melalui penggunaan komputer, internet, e-mail dan home page. Di antaranya menyedarkan akan peranan yang boleh dimainkan oleh pelajar untuk menangani unsur-unsur negatif terutama yang terdapat di dalamnya.
 - e. Mengambil peluang untuk membimbing pelajar dengan mengamalkan adab-adab yang dianjurkan oleh Islami seperti adab pergaulan, adab dalam majlis, adab memberi dan menerima pendapat, dan lain-lain semasa program atau aktiviti berjalan.
 - f. Dalam pendidikan jasmani pula, selain daripada menitikberatkan cara berpakaian dan pergaulan yang sesuai, jenis sukan dan permainan juga perlu diberi perhatian. Sebagai guru, ia hanya boleh mencadangkan kepada pihak yang berwajib mengenai jenis sukan seperti berenang, berkuda dan memanah sebagai latihan untuk meningkatkan keupayaan fizikal.
- ii. Sebaliknya, jika persatuan itu terdiri daripada persatuan Islam atau Puteri Islam aktiviti dengan mudah akan menjurus kepada memberi kefahaman dan setersnya penghayatan Islam itu sendiri. Di antara program yang boleh dilaksanakan termasuklah program berbentuk fardhu kifayah seperti khemah-khemah kerja dan aktiviti bersama masyarakat, dan peningkatan diri seperti *qiam ul-lail* di samping pengisian ilmu berbentuk fardhu 'ain.
 - iii. Satu lagi ruang yang boleh diteroka oleh para guru ialah memanfaatkan slot waktu fardhu Jumaat Khusus untuk pelajar-pelajar puteri. Slot ini boleh diisi dengan kuliah umum oleh penceramah jemputan khusus mengenai bab-bab kewanitaan atau memprogramkan usrah dalam bentuk kumpulan.

PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU

Kejayaan usaha-usaha islamisasi pendidikan mestilah didukung bersama dengan penglibatan ibubapa. Justeru, guru dengan menjadi AJK persatuan ini, berpeluang untuk merancang aktiviti sama ada bagi ibubapa atau pelajar. Ini boleh memantapkan lagi usaha-usaha islamisasi pendidikan di sekolah.

LAIN-LAIN

Interaksi guru dengan badan atau orang luar yang berpengaruh di jabatan pendidikan daerah dan negeri di Kementerian sendiri boleh dimanfaatkan melalui cadangan atau usul mengenai perlunya islamisasi pendidikan serta mendapatkan sokongan ke atas usaha-usaha ke arah itu. Satu daripada usaha yang boleh dilaksanakannya ialah menganjur bersama program berbentuk seminar atau muzakarah khusus membincangkan halatuju pendidikan atau pelajar. Ini adalah bertujuan untuk menarik lebih ramai pelajar atau remaja luar untuk turut serta atau menarik sekolah-sekolah lain untuk terlibat sama.

MASALAH PERLAKSANAAN

Walaupun terdapat banyak kekangan atau masalah yang mungkin timbul dari segi pelaksanaan, namun guru perlu bersikap optimistik dan bertindak bijak. Di antara yang mungkin termasuklah:

a. **Ketiadaan modul pengajaran serta bahan rujukan yang sesuai**

Selain daripada untuk menghabiskan silibus dalam jangka masa yang telah ditetapkan, guru juga perlu bergantung kepada kreativiti tersendiri untuk mengolah pengajaran supaya menepati usaha-usaha Islamisasi di dalam bilik darjah. Sehingga kini tidak terdapat bahan rujukan atau modul pengajaran yang berkaitan untuk dijadikan panduan.

b. **Kesediaan pelajar**

Pelajar-pelajar datang dari latar belakang yang berbagai. Oleh kerana

itu, mereka mempunyai persepsi dan penerimaan yang berbeza. Hal ini dibatalkan lagi dengan adanya pelajar-pelajar bukan Islam di dalam kelas atau sekolah tersebut. Untuk ini, pendekatan yang berbeza dan penuh hikmah adalah dituntut.

c. **Guru**

Islamisasi pendidikan memerlukan guru-guru yang terdidik dengan kefahaman bahawa betapa kritikalnya untuk melaksanakan usaha ini di samping memerlukan guru-guru yang berkeyakinan dengan asas-asas ini, beriman dengan aqidah dan cita-cita tersebut serta mempunyai keikhlasan yang sebenar-benarnya. Selain itu, keupayaan guru dari segi ilmu dan pengiraan, PR dan penonjolan diri adalah sebagai pelengkap Program diploma pendidikan yang dianjurkan oleh jabatan Pendidikan UIA masih tidak dapat menampung keperluan yang tinggi. Perlu ada lebih banyak program pendidikan guru yang menjalankan usaha yang menyeluruh ke arah melahirkan guru-guru yang memenuhi ciri-ciri sebegini.

d. **Sokongan**

Untuk menjayakan sesuatu program, ia juga memerlukan penglibatan guru-guru lain, kakitangan, pentadbir, ibubapa, dan juga pihak lain dari segi tenaga, idea, peruntukan dan urusan-urusan pentadbiran serta amalan birokrasi. Tanpa sokongan ini, ia akan menjejaskan pelaksanaan.

e. **Pengaruh atau faktor luaran**

Seperti biasa, unsur-unsur negatif dari luar seperti pengaruh rakan sebaya luar sekolah, media cetak dan elektronik serta sistem atau masyarakat luar boleh menjejaskan usaha yang telah dijalankan di sekolah. Apa yang boleh dilakukan ialah, membekalkan para pelajar dengan pengetahuan mengenai dunia luar serta langkah-langkah yang boleh menangkis unsur-unsur negatif ini.

PENUTUP

Dalam masa, usaha dan ruang yang terbatas, apa yang disampaikan di atas tadi memberikan sedikit sebanyak gambaran ke atas ruang dan peluang yang perlu dimanfaatkan oleh guru-guru dalam usaha-usaha untuk merealisasikan islamisasi pendidikan di sekolah. Sementara itu, masalah hendaklah dilihat sebagai cabaran. Usaha ini juga hendaklah disertai dengan keazaman, kefahaman serta rasa pertanggung jawaban di atas nasib ummah. Akhir sekali, ianya hendaklah diiringi dengan doa kehadiran Allah SWT supaya usaha-usaha ini akan membawa kejayaan dan keberkatan. *Wallahu'alam.*

RUJUKAN

- Al-Faruqi, I.R. *Islamisation of knowledge: Problems, Principles and Perspective*, Islamisation of knowledge series. 51 (1989) 13-63.
- Ali An-Nadwi, A.H. 1987. *Ke arah Pendidikan Islam yang Tulin*. (terjemahan). Alor Setar: Pustaka Ikhwan.
- Alhabshi, O & Nik Hassan, N.M. 1997. *Islamic Civilisation: Present & Future Challenges*. Kuala Lumpur: IKIM.
- El Najjar, Z.R. 'The limitation of Science and The Teachings of Science From The Islamic Perspective', *AJISS*. Vol. 3, No 1, 1986, 59-75.
- Ghazali, B, 'Pendidikan Barat dan Kesannya Terhadap Pendidikan Umat Manusia Masa Kini', *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 8 Bil. 1 (Mac 1998/Zulkaedah 1418H) 13-22.
- Hashim, R. 1996. *Educational Dualism in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Nordin, S 1979. *Sains Barat Moden dan Percanggahannya Dengan Islam*. Kajang: Nuur Publications.